

## **METODE TAFSIR MAUDU'I DALAM BUKU BERTEMAKAN AKIDAH TERBITAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA**

SAHLAWATI ABU BAKAR  
*sahlawati@kuis.edu.my*  
Jabatan al-Quran dan Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

### **ABSTRAK**

*Penulisan tafsir di Malaysia bukanlah satu perkara yang asing. Ramai dalam kalangan ulama di Malaysia yang menghasilkan karya-karya tafsir yang bermutu. Kertas ini akan mengulas mengenai sebuah buku tafsir maudu'i yang ditulis oleh sekumpulan cendekiawan tafsir Melayu di Malaysia. Buku ini berjudul Tafsir Maudu'iy bertemakan Akidah. Perbincangan meliputi aspek metodologi buku, pembahagian tema-tema dan sumber rujukan. Hasil kajian mendapati buku ini menggunakan metode tematik yang membahagikan tema akidah di dalam al-Quran kepada sembilan bahagian.*

*Kata kunci: Tematik, Maudu'i, akidah*

### **1.0 PENGENALAN**

Penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia telah lama dilakukan oleh ulama' tanahair semenjak kurun ke 16 lagi. Terdapat banyak kitab-kitab tafsir yang ditulis oleh mereka seperti kitab Tafsir al-Quran al-Hakim oleh Syeikh Mustafa Abdul Rahman, Tafsir Nurul Ihsan oleh Tuan Haji Muhammad Said Omar, Tafsir al-Rawi oleh Haji Yusuf Rawa dan lain-lain. Dewan Bahasa dan Pustakajuga mengambil langkah yang sama dalam menghasilkan kitab tafsir berbahasa Melayu pada kurun ke 20 ini khusus menggunakan metode tematik. Terdapat 10 kitab yang diterbitkan yang mempunyai tema-tema yang berbeza iaitu akidah, ibadah, kekeluargaan, ekonomi dan kewangan, akhlak, politik dan tadbir urus, hudud, qisas dan ta'zir, ilmu dan tamadun, masyarakat dan pembangunan sosial, dan pemuliharaan alam sekitar. Kertas ini akan membincangkan metodologi kitab terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang bertemakan akidah.

### **2.0 LATAR BELAKANG KITAB**

Nama pengarang kitab ini ialah Mohd Nizam Sahad. Kitab ini diterbitkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 2014. Kitab tafsir yang dibahaskan dalam kajian ini terbahagi kepada 9 bab dan mempunyai 196 halaman.

### **3.0 METODOLOGI PENTAFSIRAN**

Kitab ini dibahagikan kepada 9 tema iaitu:

#### **i. Pengertian akidah dan kepentingannya.**

Pada bahagian ini pengarang menjelaskan definisi akidah, kepentingan akidah, sejarah kesinambungan akidah dan perbahasan akidah dalam al-Quran.

**ii. Rukun iman asas akidah Muslim.**

Pada tema yang kedua ini pengarang kitab membincangkan mengenai pengertian rukun, pengertian iman, beriman kepada Allah, kalimah Allah dan beriman kepada Allah teras akidah Islam.

**iii. Beriman kepada Allah.**

Pada tema yang ketiga ini pula pengarang kitab menjelaskan mengenai beriman kepada zat Allah SWT, beriman kepada sifat-sifat Allah yang diperpanjangkan kepada perbahasan mengenai manhaj dalam persoalan sifat-sifat Allah SWT, sifat Allah SWT dan ayat *al-mutasyabihat* serta manfaat beriman dan mengetahui sifat-sifat Allah SWT. Seterusnya perbincangan dalam tema ini menjurus kepada beriman kepada nama-nama Allah SWT dan beberapa nama Allah SWT dalam al-Quran.

**iv. Beriman kepada malaikat.**

Pada tema yang keempat ini pula pengarang kitab membahaskan mengenai ciri malaikat, kepercayaan manusia kepada malaikat sebelum Islam, tugas para malaikat serta malaikat dan hubungannya dengan kehidupan manusia.

**v. Beriman kepada kitab-kitab.**

Pada tema yang kelima ini pula pengarang kitab membincangkan mengenai sikap manusia terhadap kitab-kitab suci Allah, Kitab suci al-Quran terjamin daripada diubah dan sikap umat Islam terhadap kitab Taurat dan Injil.

**vi. Beriman kepada Nabi dan Rasul.**

Perbincangan mengenai perbezaan antara Nabi dan Rasul, tugas Nabi dan Rasul, Sifat wajib para Rasul, pendirian muslim terhadap para Nabi dan Rasul serta Nabi Muhammad SAW penutup segala Nabi.

**vii. Beriman kepada hari akhirat.**

Perbincangan mengenai kewujudan hari akhirat, perkara bersangkutan hari akhirat seperti padang mahsyar, hisab, neraca timbangan amal, kitab amalan, syafaat, syurga dan neraka. Selaian itu dalam tema ini juga membahaskan keadaan-keadaan hari akhirat seperti kepantasan berlakunya hari akhirat, taubat tidak lagi diterima dan anggota badan akan menjadi saksi.

**viii. Beriman kepada qada dan qadar.**

Perbincangan mengenai definisi qada dan qadar, perbuatan Allah dan hubungannya dengan perbuatan manusia dan kesan beriman kepada qada dan qadar.

**ix. Kesesatan dan penyelewengan akidah.**

Perbincangan mengenai beberapa jenis penyelewengan akidah seperti syirik, kufur, nifak dan penyelewengan akidah semasa.

**4.0 KESIMPULAN**

Kitab tafsir tematik ini yang bertemakan akidah merupakan kitab tafsir berbahasa melayu yang menggunakan metodologi tafsir maudu'i di Malaysia.

## **6.0 RUJUKAN**

- Mohd Nizam Sahad. 2104. Tafsir Maudhu'iy (Akidah). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Qusyairi Suhail. 2008. Al-Mufasssir: Syurutuh wa Adabuh wa Masadiruh.
- Al-Daghamin, Ziyad Khalil Muhammad. 1995. Manhajiyatul Bahthi fi al-Tafsir al-Maudhu'i li al-Quran al-Karim.
- Al-Khalidi, Salah 'Abd al-Fattah. 1997. Al-Tafsir al-Maudhu'i: Bayna al-Nazhariyah wa al-Tatbiq. 'Amman: Dar al-Nafais.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1993. Malamih al-Mujtama' al-Muslim. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Fadhil Hassan Abbas. 2007. Al-Mufasssirun Madarisuhum wa manahijuhum.